



## **Teks ucapan Perasmian**

**YBhg. Profesor Dr Asmadi bin Mohamed Naim,**

**Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam  
Shah (UniSHAMS)**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN MINGGU SILATURAHIM (MSR)  
JUN 2021**

### **SALUTASI**

Yang berusaha Saudara Pengerusi Majlis;

### **Yang Berbahagia,**

1. **Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol**, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, UniSHAMS
2. **Dr. Rohani binti Desa**, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UniSHAMS
3. **Tuan Haji Mohd Zaini Bin Haji Ramli**, Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi dan Jaringan Industri, UniSHAMS
4. **Tuan Haji Mohd Fahmi Bin Sheikh Omar**, Pendaftar UniSHAMS
5. **Puan Hajjah Molya Binti Mohjd Annuar**, Bendahari UniSHAMS
6. **Ketua-ketua unit dan para pegawai UniSHAMS**

### **Yang Berusaha**

7. **Saudara Muhammad Fadhli bin Mohd Nashid**, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS,
8. **Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) UniSHAMS)**
9. **Para pelajar baru UniSHAMS Sesi Jun 2021**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **KATA PEMBUKA**

1. Alhamdulillah, marilah bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-NYA, maka dapat bertemu dan berkenalan mesra dalam Majlis **PERASMIAN PENUTUPAN MINGGU SILATURAHIM (MSR) SESI JUN 2021** pada petang yang bahagia ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada lebih **180** orang pelajar baru UniSHAMS yang berada dalam Zoom Live ini dan setinggi-tinggi tahniah kerana saudara dan saudari sekalian terpilih untuk mendaftar dan menyambung pengajian di UniSHAMS kerana di sinilah saudara dan saudari akan dilatih, dibimbing dan dibentuk untuk menjadi graduan profesional selaras dengan misi UniSHAMS iaitu melahirkan ilmuan yang holistik dan profesional berakhlak mulia
3. Mahasiswa & Mahasiswi sekalian,  
  
Saban tahun Minggu Silaturrahim atau ringkasnya MSR dianjurkan oleh UniSHAMS untuk meraikan para pelajar baru yang telah terpilih untuk melanjutkan pengajian di universiti ini. Begitulah juga halnya di universiti-universiti lain di Malaysia dan malah di dunia, Program seperti MSR ini turut dikelolakan, mungkin dengan pelbagai nama atau jenama seperti Minggu Haluan Siswa, Minggu Suai Kenal atau Minggu Orientasi. Tetapi yang lebih istimewanya ialah para pelajar sekalian mendaftarkan diri dan mengikut Minggu Silaturrahim ini sebagai mahasiswa baharu UniSHAMS dalam norma baharu iaitu situasi Pandemi Covid 19 yang sudah berlarutan hampir 2 tahun. Ini menyebabkan suasana pembelajaran bersemuka terdahulu telah bertukar kepada pembelajaran secara atas talian atau *online*.
4. Cabaran yang akan dihadapi bagi pembelajaran seperti ini adalah capaian telekomunikasi yang terhad disesetengah tempat selain disiplin sendiri yang perlu diterapkan dalam diri setiap pelajar disebabkan perlu mengatur masa dan tanggungjawab bersendirian di rumah masing-masing bagi mengharungi perjalanan pengajian di UniSHAMS. Saya percaya dan yakin barisan

pengurusan dan pensyarah yang berpengalaman di UniSHAMS insyaAllah akan sentiasa memberikan sepenuh tenaga bagi mentadbir dan juga menyalurkan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sekalian secara kreatif dan inovatif bertepatan dengan moto UniSHAMS “Melestarikan Ilmu Melalui Kebijaksanaan”.

5. Untuk pengetahuan para pelajar sekalian, UniSHAMS telah membuat pelbagai penambahbaikan bagi memberikan akses yang terbaik kepada setiap pelajarannya, antara yang terkini adalah memastikan capaian portal pelajar berjalan lancar sehingga mendapat ucapan tahniah dari Majlis Perwakilan Mahasiswa yang tidak jemu menyuarakan pandangan dan cadangan agar kebajikan mahasiswa terbelah, Alhamdulillah.

### **SIGNIFIKAN MINGGU SILATURRAHIM**

1. Untuk sesi Akademik Jun 2021, hampir 200 pelajar telah mendaftar ketika ini bermula pada, 06 Jun 2021 yang lalu. Justeru sepanjang MSR Jun 2021 yang telah bermula pada 20 Jun yang lalu Insha-Allah akan berakhir pada 24 Jun 2021, pada hari ini. Sepanjang MSR ini, para pelajar baru ini akan didedahkan dengan pelbagai taklimat dan pengisian yang memberi peluang kepada mereka untuk mengenali UniSHAMS dengan lebih dekat, mengetahui fungsi jabatan, pusat dan bahagian yang bertanggungjawab yang ada di UniSHAMS dan sebagainya.
2. Semua ini berlaku secara atas talian sehinggakan ucapan saya ketika ini didengari oleh semua pelajar sekalian juga secara langsung menggunakan aplikasi zoom live dan dipancarkan ke Facebook MSR dengan menggunakan aplikasi StreamYard. Walau tidak bersemuka tetapi saya percaya hati dan jiwa yang berkobar-kobar dalam diri pelajar sekalian tidak pernah padam dan luntur bagi meneguk ilmu pengetahuan sebanyak mungkin dari para pensyarah yang senantiasa bersedia dengan takung-takung ilmu menunggu tadahan para pelajar sekalian. UniSHAMS menyediakan program pengajian yang responsif dengan keperluan industri menerusi semakan dan penjajaran program pengajian dari masa ke semasa supaya pelajar lebih bersedia memasuki alam pekerjaan. Ini selaras dengan agenda Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan lebih ramai graduan yang mampu menjadi ‘*job creator*’ atau

(penyedia peluang pekerjaan) dan tidak hanya mengharapkan peluang pekerjaan sedia ada. UniSHAMS ingin menjadi sebahagian Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menyumbang secara langsung kepada ekonomi negara melalui aktiviti keusahawanan pelajar di universiti dan menyasarkan lebih ramai graduan memiliki perniagaan selepas tamat pengajian.

### **HARAPAN KEPADA PELAJAR BARU**

1. Barisan Pengurusan UniSHAMS Yang Saya Kasihi Sekelian,
2. Para pelajar baru yang berada di dapan kita pada hari ini akan melafazkan ikrar mereka sebentar lagi dan dengan itu rasmilah mereka semua menjadi pelajar UniSHAMS. Ikrar yang bakal mereka lafazkan itu mempunyai makna dan pengertian yang amat besar. Para pelajar baru sekalian mestilah bersedia dengan rela untuk menerima budaya dan iklim pembelajaran di universiti ini serta menjunjung tinggi Perlembagaan dan nilai-nilai teras UniSHAMS.
3. UniSHAMS punyai visi yang jelas menjadi Universiti Islam global dengan berintegrasikan ilmu dan kebijaksanaan. Ayuh para pelajar baru yang ada dihadapan kita semua ini bersama kita mengubah cara hidup yang lebih berilmu dan mempraktikan ilmu yang dipelajari selaras dengan Visi dan Misi Universiti. Turut serta juga barisan pengurusan tertinggi, pegawai-pegawai UniSHAMS bagi memastikan keselarasan dalam setiap perkara yang kita lakukan atau dalam erti kata lain ada kesatuan fikiran dan kesatuan tindakan.

### **PENUTUP PERASMIAN**

1. Sebelum mengakhiri ucapan ini, Marilah kita sama-sama berdoa agar MSR dapat berjalan dengan lancar dan semoga Allah Taala terus melimpahkan perlindungan dan peliharaan-Nya kepada kita semua untuk terus komited berbakti untuk agama, bangsa dan tanah air yang tercinta. Tidak dilupakan juga pada Jawatankuasa Pelaksana Minggu Silaturrahim (MSR) Sesi Jun 2021 yang diketuai oleh saudara Muhammad Syafiq bin Soleh, semoga anakanda semua terus istiqamah dalam menyumbang bakti kepada UniSHAMS dan seterusnya bersama masyarakat apabila tamat pengajian nanti.
2. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrohim, saya merasmikan Majlis Penutupan Minggu Silaturrahim Sesi Jun 2021. Dengan kata-kata itu saya sudahi ucapan

saya dengan lafaz yang mulia, Wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.